

PM, TPM ucap tahniah

Berita HADISON 16/03/2018 MIS N

Kepada semua pelajar yang dapat keputusan cemerlang, tahniah! Kepada yang lain jangan putus asa, kehidupan baru bermula, ada banyak peluang tersedia untuk semua”

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak menzahirkan ucapan tahniah kepada semua pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mendapat keputusan cemerlang.

Perdana Menteri, dalam satu kenyataan di Twitter rasminya, sebentar tadi, turut menasihatkan pelajar yang mendapat keputusan kurang memberangsangkan untuk

tidak berputus asa.

Usah putus asa

“Hari ini keputusan #SPM2017, kepada semua pelajar yang dapat keputusan cemerlang, tahniah! Kepada yang lain jangan putus asa, kehidupan baru bermula, ada banyak peluang tersedia untuk semua,” katanya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, turut senada mengucapkan tahniah kepada pelajar berjaya menerusi Twitter rasminya.

“Tahniah kepada semua pelajar2 #SPM2017. Semoga terus berusaha untuk berjaya dan cemerlang dalam mengejar cita-cita yang diinginkan,” katanya.

Tahniah kepada semua pelajar2 #SPM2017. Semoga terus berusaha untuk berjaya dan cemerlang dalam mengejar cita-cita yang diinginkan”

Ahmad Zahid Hamidi,
Timbalan Perdana Menteri

Najib Razak,
Perdana Menteri

Keputusan catat peningkatan

➔ Pencapaian calon di bandar, luar bandar turut memberangsangkan



Mahdzir bergambar bersama pelajar cemerlang dari SMK Dato Syed Ahmad ketika berkunjung ke rumah seorang pelajar cemerlang sekolah sama di Kampung Baru, Kuala Nerang, semalam.

[FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BI]

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Noorazura Abdul Rahman

cnews@nstp.com.my

Putrajaya

Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2017 mencatatkan pencapaian yang lebih baik dengan Gred Purata Nasional (GPN) 4.90, berbanding 5.05 pada 2016.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Amin Senin, berkata pencapaian calon di bandar dan luar bandar turut mencatat prestasi memberangsangkan, iaitu GPN 4.75 berbanding 4.89 pada 2016 bagi calon bandar dan 5.22 berbanding 5.36 pada 2016 bagi calon luar bandar.

Beliau berkata, secara keseluruhan, 66 peratus calon menguasai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan baik.

"Berdasarkan kualiti jawapan calon, 27 peratus calon menguasai KBAT tahap tinggi, 39 peratus tahap sederhana dan 34 peratus tahap rendah.

"Calon menguasai kemahiran mengaplikasi pada tahap yang tinggi, namun kemahiran menganalisis, menilai dan mencipta masih pada tahap sederhana," katanya pada sidang media pengumuman analisis keputusan SPM 2017 di sini, semalam.

Seramai 443,883 calon di seluruh

negara menduduki SPM 2017 dari 6 November hingga 4 Disember tahun lalu.

Selain itu, Amin berkata, 48 daripada 73 mata pelajaran mencatat peningkatan prestasi, 23 mata pelajaran mencatatkan penurunan, manakala prestasi dua mata pelajaran lagi tidak berubah.

Prestasi subjek teras meningkat

"Prestasi lima mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Sejarah dan Matematik menunjukkan peningkatan manakala mata pelajaran Pendidikan Moral dan Sains mencatatkan penurunan.

"Prestasi mata pelajaran Bahasa Melayu menunjukkan peningkatan tertinggi 0.46 peratus, manakala mata pelajaran Pendidikan Moral menunjukkan penurunan tertinggi sebanyak 0.11 peratus," katanya.

Beliau berkata, 43 daripada 66 mata pelajaran elektif juga menunjukkan peningkatan prestasi, dengan tiga mata pelajaran dalam bidang sains dan matematik mencatat peningkatan iaitu Fizik, Kimia dan Matematik Tambahan.

"Prestasi semua mata pelajaran elektif agama juga menunjukkan peningkatan berbanding 2016, dengan mata pelajaran Tasawwur Islam mencatat peningkatan tertinggi, manakala bagi bidang elektif teknikal pula, mata pelajaran Ekonomi Rumah Tangga mencatat



Amin pada sidang media Pengumuman Analisis Keputusan Peperiksaan SPM 2017 di Putrajaya, semalam.

prestasi tertinggi," katanya.

85.2 peratus calon layak dianugerahkan sijil

Katanya, 85.2 peratus calon layak dianugerahkan sijil selepas lulus mata pelajaran wajib lulus bagi SPM, iaitu Bahasa Melayu dan Sejarah, manakala bagi Calon Berkeperluan Khas (CBK), sebanyak 62.5 peratus daripada 994 calon layak dianugerahkan sijil.

"Keputusan SPM 2017 menunjukkan peningkatan pencapaian keseluruhan calon dan analisis juga menunjukkan Kementerian Pendidikan sentiasa memastikan kesamarataan peluang dan akses kepada pendidikan berkualiti untuk semua calon di seluruh ne-

gara," katanya.

Bagi tujuan penandaarasan dan jaminan kualiti di peringkat antarabangsa, beliau berkata, pakar pentaksiran dari luar negara, termasuk dari Cambridge Assessment International Education (CAIE), United Kingdom (UK), Cito, the Netherlands dan Pearson, UK terabit dalam peperiksaan SPM bermula dari penghasilan instrumen hingga pengeluaran keputusan.

Sementara itu, di **Padang Terap**, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata pihaknya berpuas hati dengan pencapaian SPM 2017 apabila GPN menunjukkan peningkatan kepada 4.90 berbanding 5.05 pada 2016.

Katanya, peningkatan itu dilihat



Calon menguasai kemahiran mengaplikasi pada tahap yang tinggi, namun kemahiran menganalisis, menilai dan mencipta masih pada tahap sederhana"

Amin Senin,
Ketua Pengarah Pelajaran

pada semua mata pelajaran dan paling ketara adalah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam dan Sejarah.

"Selain itu saya juga berpuas hati apabila mata pelajaran Sains seperti Fizik, Kimia dan Sains Tambahan menunjukkan peningkatan, cuma bagi subjek Biologi saja berlaku sedikit penurunan," katanya selepas berkunjung ke rumah seorang pelajar cemerlang SPM 2017 di Kampung Baru, di sini.

Terdahulu, Mahdzir turut membuat tinjauan pengumuman keputusan SPM 2017 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Syed Ahmad, di sini. Seramai 12 pelajar di sekolah terbabit mendapat semua A.




[FOTO SYAMSI SUHAIMI/BH]

44 pelajar Sekolah Menengah Agama Nilai, Negeri Sembilan mendapat keputusan cemerlang.



96 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Permaisuri Bainun, Ipoh yang mendapat keputusan cemerlang diraikan guru mereka, semalam.



Wan Nadia Arisya bersama ibu dan bapanya menunjukkan keputusan cemerlang yang diperoleh di SMK Tumpat, semalam.

Kekurangan bukan halangan cemerlang



[FOTO FATHIL ASRI/BH]

Muhammad Azreeq Danieal yang menghadapi masalah penglihatan mendapat keputusan cemerlang.

[FOTO AMIR IRSYAD OMAR/BH]



Muhamad Amir dikucup ibunya, Anizawati Abdullah sambil diperhatikan Azizan selepas memperoleh keputusan cemerlang, semalam.

➔ Iltizam, tumpuan dalam kelas resipi sempurna catat kejayaan

Oleh Nur Izzati Mohamad, Siti Rohana Idris, Mohamad Zulhairie Manzaidi, Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi dan Farah Dinah Hassan
cnews@nstp.com.my

✦ Kuala Lumpur

Masalah kesihatan, kecacatan, kemiskinan dan kekurangan waktu menelaah pelajaran bukan halangan kepada calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2017 untuk mencatat keputusan cemerlang.

Walaupun ramai daripada kalangan bekas calon yang tidak dapat mengikut kelas tuisyen atas faktor kewangan, mereka membuktikan bahawa iltizam dan tumpuan dalam kelas adalah resipi sempurna untuk mencatat kejayaan.

Bagi anak pekerja kilang, Muhammad Amir Azizan, 18, dari sekolah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Al Irshad, Kepala Batas, Pulau Pinang, tumpuan penuh ketika pembelajaran di kelas adalah kunci kejayaannya mencatat 11A.

“Saya tidak tinggal di asrama dan hanya berulang alik dari rumah ke sekolah sehingga menyebabkan masa belajar tidak konsisten kerana kurang membuat ulang kaji.

Tumpu perhatian dalam kelas

“Namun, saya menumpukan perhatian penuh ketika pembelajaran dalam kelas selain turut mendapat bantuan rakan,” katanya ketika ditemui di sekolahnya, semalam.

Muhamad Amir adalah antara 16 pelajar sekolah itu yang mendapat keputusan cemerlang, semua A dalam SPM 2017.

Kehilangan penglihatan secara tiba-tiba dua minggu sebelum peperiksaan SPM, tidak menghalang Khairulimran Adam, 18, dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mohd Khalid, Johor Bahru, mendapat semua A dalam lapan mata pelajaran yang diambilnya.

Dia yang mendaftar untuk mengambil sembilan kertas dalam SPM terpaksa menggugurkan satu dari-

padanya iaitu Pendidikan Sual yang memerlukan calod lukis sendiri bagi menjawab berkenaan.

Kisah Khairulimran, 18, didis dalam BH apabila terpaksa gunakan khidmat jurubaca dirutulis disediakan Lembaga Riksaan Malaysia untuk mendpeperiksaan dalam keadaan buta walaupun pada pepercubaan sebelumnya dia mntara pelajar cemerlang dkeputusan 7A 2B.

“Alhamdulillah. Saya tidak dapat keputusan cemerlang. Imau berkat pertolongan kelguru dan rakan saya. Gururakan saya banyak membannngan memberi nota rakaman dan video menerusi aplikasi sApps dan Telegram,” katanya

Hidap penyakit saraf

Di Tumpat, Kelantan, Wan Arisya Wan Hanapi, 19, jugabuktikan penyakit bukan halantuntuk berjaya. Dia yang mengenyakit saraf sejak 2015 sehntangan kanannya tidak dapamegang objek, memperoleh 8A

Wan Nadia Arisya yang jugaberkeperluan khas dari Sekolamengah Kebangsaan (SMK) Tu



[FOTO SYAMSI SUHAIMI/BH]



[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]


Pelajar cemerlang Sekolah Berasrama Penuh Integrasi, Selandar Melaka dirai selepas menerima keputusan SPM, semalam.



Sebahagian 48 calon SPM 2017 Mahad Tahfiz Negeri Pahang menerima keputusan SPM, semalam.

[FOTO ADI SAFRI/BH]

Pelajar cemerlang SPM merayakan kejayaan selepas menerima keputusan mereka di Sekolah Menengah Sains Muar, semalam.



Muhammad Syahizat antara pelajar cemerlang SMK Tumpat menunjukkan keputusan SPM kepada bapanya Mohd Faizal Daud ketika ditemui di rumahnya di Kampung Pak Jah, Tumpat.



berkata, sejak menghidap penyakit itu dia menulis menggunakan tangan kiri.

Disebabkan penyakit itu juga Wan Nadia Arisya terpaksa mengulang Tingkatan Empat untuk dua tahun kerana selepas disahkan menghidap saraf sendi banyak masanya dihabiskan di hospital.

Buta sebelah mata

Sementara itu, buta sebelah mata tidak mematahkan semangat Muhammad Azreeq Daniael Azmi, 18 dari Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu, sehingga dia dinobatkan calon berkeperluan khas terbaik dengan memperoleh 9A.

Katanya, menyedari kekurangan diri, dia menyertai kumpulan belajar dan memberi tumpuan dalam kelas kerana dia tidak boleh membaca lebih daripada dua jam.

“Sebab itu saya mengambil inisiatif untuk duduk di barisan hadapan ketika guru mengajar dan beri tumpuan sepenuhnya ketika sesi pembelajaran,” kata anak bongsu daripada enam beradik itu.

Menjadi anak yatim pada usia em-

pat tahun dan dibesarkan dalam keluarga susah tidak menghalang Muhammad Amin Aini, 18, mendapat 9A.

Kejayaan itu menjadikan Muhammad Amin pelajar tunggal Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Al-Hidayah, Parit Abas, Kuala Kurau, Perak yang meraih keputusan cemerlang itu.

Katanya, kesusahan ibunya Hadzimah Ahmad Rusdi, 57, mengambil upah menjahit pakaian bagi membesarkannya, menjadi pendorong utama kejayaan Muhammad Amin.


Bagi Muhammad Aiman Marfuah Hamzah, 18, dari Sekolah Menengah kebangsaan (SMK) Datuk Ahmad Sa'id, Ipoh, pula keputusan 5A adalah pencapaian besar kerana dia ruang masa untuknya belajar terhad.

Dia perlu menggalas tanggungjawab mengemas rumah dan memasak selain menjaga ibu yang terlanjar sakit.

“Saya tidak berkesempatan untuk mengikuti kelas tambahan di mana-mana. Waktu belajar saya hanyalah ketika membuat kerja sekolah yang diberikan guru,” katanya kepada BERNAMA.



[FOTO ZAIN AHMED/BH]



Pengetua Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru, Kamisah Aziz bergambar dengan pelajar cemerlang selepas menerima keputusan SPM di sekolah berkenaan semalam